# Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

**From:** UUM CORPORATE COMM.
**Sent:** 19 Julai 2021 13:26
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** MyPusaka Kongsi Ilmu Perancangan Dan Pengurusan Harta

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 JULAI 2021 / 9 ZULHIJAH 1442H
==============================

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

Oleh: Dr. Mohd Fikri Sofi
Gambar Oleh: Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS)

## MyPUSAKA KONGSI ILMU PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HARTA



**UUM ONLINE:** Jawatankuasa Pembangunan Pelajar Alumni dan Mobiliti (JPPAM), Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) telah menganjurkan program berbentuk pembangunan pelajar iaitu PADU: MyPusaka sebagai salah satu peluang kerjaya kepada pelajar sambil menambahkan ilmu perancangan dan pengurusan harta pusaka.

Program yang diaktifkan oleh Kelab Kewangan dan Perbankan Islam (IFBA) itu menampilkan Ketua Pegawai Eksekutif MyPusaka, Kamarul Azman Mustapha Kamal.

Sebelum pengenalan mengenai PADU: MyPusaka diberikan, peserta program didedahkan dengan beberapa cara bagi mengekalkan kekebalan dalam diri terutamanya apabila wabak Covid-19 masih lagi mengganas di Malaysia dan seluruh dunia.

Lebih menarik lagi apabila ianya disusuli dengan 10 kemahiran penting untuk dimiliki oleh seorang graduan yang mana boleh dimantapkan dengan menyertai PADU: MyPusaka hasil daripada gabungan kemahiran tradisional dan alaf baru di era digital.

Di akhir program, pihak MyPusaka menawarkan ganjaran RM100 berupa baucar beli-belah kepada pelajar yang dapat menghantar penyertaan kreatif tentang legasi pengurusan harta pusaka melalui pautan yang diberikan..

Semoga pelajar IBS terus melalui proses pembangunan yang holistik ke arah pembentukan individu kompeten selaras dengan aspirasi universiti dan falsafah pendidikan kebangsaan demi mencapai hasrat Ilmu, Budi, Bakti.




Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.